MENGURUSKAN RISIKO TERHADAP KESTABILAN KEWANGAN

Kestabilan kewangan terus terpelihara

Kestabilan kewangan kekal kukuh sepanjang suku pertama 2012, disokong oleh institusi kewangan yang teguh dan keadaan pasaran kewangan yang terurus. Pengantaraan kewangan yang terus berfungsi dengan berkesan telah menyediakan persekitaran yang menyokong aktiviti ekonomi. Keyakinan terhadap sistem kewangan turut terpelihara.

Kualiti keseluruhan dedahan kredit sektor kewangan kekal terurus, disokong oleh asas-asas ekonomi yang mantap. Pinjaman terjejas dan pinjaman tertunggak (bagi tempoh satu hingga kurang daripada tiga bulan) menunjukkan peningkatan dari segi nilai dan nisbah. Pada akhir bulan Mac 2012, nisbah pinjaman terjejas dan pinjaman tertunggak masing-masing pada 1.7% daripada pinjaman bersih (S4 11: 1.8%), atau 3.5% daripada pinjaman kasar (S4 11: 3.6%). Dedahan risiko kredit industri insurans, yang sebahagian besarnya berpunca daripada pemegangan sekuriti hutang swasta, juga kekal pada paras yang terurus dengan dedahan pada 3.4% daripada jumlah modal penanggung insurans (S4 11: 3.2% daripada jumlah modal).

Pertumbuhan keberhutangan isi rumah terus menjadi sederhana kepada 0.4% pada suku tersebut (S4 11: 3.2%). Pembiayaan bagi pembelian harta kediaman meningkat sebanyak 3.4% (S4 11: 3.2%), manakala baki kad kredit terkumpul menurun pada suku tersebut. Sektor isi rumah terus menunjukkan keupayaan untuk memenuhi tanggungan hutangnya, dengan nisbah pinjaman terjejas keseluruhan bagi sektor isi rumah bertambah baik sedikit kepada 1.7% pada suku tersebut (S4 11: 1.8%).

Pemberian kredit kepada sektor perniagaan meningkat sebanyak 0.9% pada suku tersebut, dengan peningkatan menyeluruh dalam pembiayaan merentas sektor perniagaan. Risiko kredit bagi portfolio ini kekal terurus dengan risiko pinjaman gagal dibayar (risk of delinquency), seperti yang diukur oleh kebarangkalian jangkaan mungkir, bertambah baik kepada 0.53% (S4 11: 0.68%), disokong oleh keupayaan khidmat bayar balik hutang yang berterusan oleh perniagaan. Pada suku tersebut, paras pinjaman terjejas bagi sektor perniagaan bertambah baik kepada 3.8% daripada pinjaman perniagaan kasar (S4 11: 4.1%).

Paras ketidaktentuan pasaran kewangan global secara keseluruhan bertambah baik pada suku pertama berikutan tindakan ketara yang diambil oleh penggubal dasar Eropah yang menyebabkan sentimen pasaran global menjadi lebih baik. Di dalam negeri, pasaran kewangan kekal terurus dan mempunyai keupayaan yang lebih daripada mencukupi sebagai pengantara aliran portfolio. Mudah tunai dagangan dalam pasaran hutang dan pasaran ekuiti kekal teratur, seperti yang dicerminkan oleh nisbah pusing ganti yang lebih tinggi dan spread bida-tawar (bid-ask spread) yang secara relatif stabil. Dedahan risiko kadar faedah kekal stabil pada 4.9% daripada modal asas bagi sistem perbankan manakala dedahan bagi sektor insurans mencakupi 3.1% daripada modal asas (S4 11: 3.8%). Dedahan sistem perbankan terhadap risiko ekuiti terus terkawal pada 0.9% daripada modal asas (S4 11: 0.9%), manakala dedahan bagi penanggung insurans meningkat sedikit kepada 7.0% (S4 11: 6.8%) daripada asas modal berikutan pelaburan lebih tinggi dalam ekuiti berjumlah RM31.3 bilion (S4 11: RM29 bilion).

Sistem Perbankan: Kualiti aset



Sumber: Bank Negara Malaysia

Sektor kewangan kekal berdaya tahan

Permodalan sektor kewangan terus teguh dengan penampan kewangan yang kukuh untuk menghadapi kemungkinan kerugian ekoran keadaan kewangan dan ekonomi yang mungkin menjadi sukar. Nisbah modal teras dan nisbah modal wajaran risiko sistem perbankan kekal kukuh, masing-masing pada 13.0% (S4 11: 13.6%) dan 14.7% (S4 11: 15.6%). Kira-kira 88.7% daripada jumlah modal merupakan modal Kumpulan 1 berkualiti tinggi, yang terdiri daripada modal berbayar dan rizab. Modal melebihi keperluan minimum kawal selia 8% kekal tinggi pada RM71.6 bilion. Sektor insurans juga mengekalkan nisbah kecukupan modal yang kukuh pada 224.8% (S4 11: 222.5%) dan lebihan penampan modal sebanyak RM20.8 bilion.

Sektor Insurans: Permodalan



Sumber: Bank Negara Malaysia

Sektor perbankan mencatat keuntungan sebelum cukai sebanyak RM7.7 bilion bagi suku pertama (S4 11: RM5.9 bilion), disebabkan terutamanya oleh pendapatan yang lebih tinggi daripada aktiviti pembiayaan dan pendapatan berasaskan fi, yang sebahagiannya mengimbangi kenaikan kos overhed. Pulangan atas aset dan ekuiti masing-masing pada 1.7% (S4 11: 1.6%) dan 19.1% (S4 11: 17.4%).

Perniagaan insurans hayat dan takaful keluarga mencatat lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan sebanyak RM4 bilion (S4 11: RM4.3 bilion). Jumlah premium bersih yang lebih rendah bagi produk hayat biasa dan produk berkaitan pelaburan sebahagiannya diimbangi oleh keuntungan modal lebih tinggi hasil daripada keadaan pasaran kewangan yang lebih baik. Penanggung insurans am dan pengendali takaful am mencatat keuntungan pengunderaitan dan kendalian yang lebih tinggi, masing-masing berjumlah RM317.9 juta dan RM653 juta (S4 11: kerugian pengunderaitan sebanyak RM242 juta dan keuntungan kendalian sebanyak RM143.2 juta) kerana bilangan tuntutan yang sederhana. Nisbah tuntutan bagi perlindungan 'Akta' untuk Motor (perlindungan insurans mandatori yang dikehendaki di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987) bertambah baik kepada 182.7% (S4 11: 321.4%).

Sistem Perbankan: Keberuntungan



Sumber: Bank Negara Malaysia

Sistem Perbankan: Nisbah Penampan Mudah Tunai kepada Jumlah Deposit



Sumber: Bank Negara Malaysia

Daya tahan sektor perbankan terus diperkukuh oleh mudah tunai yang lebih daripada mencukupi untuk memenuhi keperluan pengeluaran deposit dan obligasi mudah tunai lain. Penampan mudah tunai mencakupi 18% daripada jumlah deposit bagi keperluan mudah tunai yang matang dalam masa satu bulan. Ketakpadanan mudah tunai mata wang

Sektor Insurans dan Takaful: Penunjuk

	2011			2012	2011			2012
	S1	S4	Tahun	S1	S1	S4	Tahun	S1
	RM juta				Perubahan tahunan (%)			
Insurans hayat & takaful keluarga								
Lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan	3,238.5	4,342.9	12,662.2	3,964.2	11.4	37.8	-9.4	22.4
Insurans am & takaful am								
Keuntungan kendalian	553.9	143.2	1,776.9	653.0	5.6	-74.6	-20.9	17.9
Nisbah tuntutan (%)	61.5	66.7	66.7	60.5	-1.3	4.6	4.6	-1.0

Sumber: Bank Negara Malaysia

asing oleh bank kekal terurus dan mencatat kedudukan negatif yang kecil dalam kelompok kurang satu bulan pada RM11.5 bilion, sejajar dengan aliran mudah tunai USD dalam negeri yang bertambah baik.